



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 12 TAHUN 2021**

**SKIM PEMBIAYAAN PERALATAN SUKAN
DAN REKREASI STAF
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)
BAGI MENGGALAKKAN AMALAN HIDUP SIHAT**

Pejabat Bendahari

30 Julai 2021

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jld. 11 (12)

30 Julai 2021

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 12/2021 SKIM PEMBIAYAAN PERALATAN SUKAN DAN REKREASI STAF UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) BAGI MENGGALAKKAN AMALAN HIDUP SIHAT

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang Skim Pembiayaan Peralatan Sukan Dan Rekreasi Staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Bagi Menggalakkan Amalan Hidup Sihat.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Skim Pembiayaan Peralatan Sukan Dan Rekreasi Staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ditawarkan kepada staf bagi menyokong amalan hidup sihat di kalangan staf Universiti.
- 2.2 Skim ini disediakan juga untuk menyokong amalan hidup sihat seperti yang terdapat dalam Garis Panduan Amalan Hidup Sihat Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Gaya hidup sihat boleh ditakrifkan sebagai satu amalan kehidupan yang membawa impak positif kepada diri seseorang, keluarga dan masyarakat bagi melahirkan individu yang mementingkan kesihatan dan kesejahteraan hidup.
- 2.3 Melalui skim pembiayaan ini, staf ditawarkan dengan **kemudahan pembiayaan untuk membeli peralatan sukan dan rekreasi** bagi tujuan melakukan aktiviti senaman dan kecergasan.
- 2.4 Skim Pembiayaan Peralatan Sukan Dan Rekreasi Staf UTeM telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) Bilangan

2/2021 pada 25 Mac 2021 dan telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 2/2021 pada 23 April 2021.

- 2.5 Kelulusan mewujudkan Kumpulan Wang 11 Bagi Skim Pembiayaan Peralatan Sukan Dan Rekreasi Staf UTeM telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 3/2021 pada 5 Julai 2021.

3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Skim Pembiayaan Peralatan Sukan Dan Rekreasi Staf UTeM diwujudkan bagi memberikan kemudahan kepada staf memiliki peralatan sukan dan rekreasi untuk melakukan aktiviti kecergasan, senaman dan rekreasi iaitu sebagai usaha menggalakkan staf mengamalkan hidup sihat.
- 3.2 Skim pembiayaan ini juga dapat menjana pendapatan kepada Universiti melalui hasil keuntungan iaitu faedah pembiayaan sebanyak 4% (atas baki berkurangan) bagi jumlah pinjaman peminjam.
- 3.3 Staf yang sihat cergas secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Universiti dan ini merupakan salah satu usaha penjimatan yang boleh dipertingkatkan.

4.0 KEMUDAHAN SKIM PEMBIAYAAN PERALATAN SUKAN DAN REKREASI

- 4.1 Kategori peralatan sukan dan rekreasi yang dibenarkan untuk staf membuat permohonan adalah merujuk senarai peralatan sukan di bawah **Akta Pembangunan Sukan 1997** iaitu seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
- 4.2 Pembelian peralatan sukan dan rekreasi yang dibenarkan mengikut Akta Pembangunan Sukan 1997 adalah seperti senarai **Lampiran 1** dan termasuk:
- 4.2.1 Alat-alat sukan yang mempunyai jangka hayat yang singkat seperti bola golf dan bulu tangkis.

- 4.2.2 Sukan *fitness* iaitu apa-apa peralatan sukan berkaitan dengan aktiviti sukan tersebut seperti *treadmill*, *exercise bike* dan *airwalker*; dan
- 4.2.3 Sukan *recreational* termasuk *diving* yang diklasifikasikan sebagai sukan rekreasi dan peralatan sukan berkaitan aktiviti tersebut.
- 4.3 Peralatan sukan dan rekreasi yang **tidak dibenarkan** ialah basikal bermotor, pakaian sukan (contoh: pakaian renang) dan kasut sukan.
- 4.4 Peralatan sukan dan rekreasi yang dibenarkan adalah merujuk perbelanjaan gaya hidup dalam kategori Senarai Pelepasan Cukai Pendapatan untuk tujuan *e-Filing*, LHDN. Melalui pembelian peralatan sukan dan rekreasi yang diluluskan, individu juga layak mendapat pelepasan cukai mengikut syarat yang ditetapkan oleh LHDN.
- 4.5 Jumlah minima pembiayaan adalah RM200.00 dan had maksima pinjaman sebanyak RM5,000 seorang. Pembayaran balik pembiayaan akan dibayar oleh staf secara ansuran melalui potongan gaji secara bulanan.
- 4.6 Syarat kelayakan permohonan adalah sama seperti kelayakan skim pembiayaan sedia ada seperti yang digariskan dalam Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU), Bahagian Pengurusan Wang Universiti , Bab I, Pembiayaan. Syarat dan kaedah pembiayaan seperti di **Lampiran 2**.

5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Skim Pembiayaan Peralatan Sukan Dan Rekreasi Staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan berkuat kuasa mulai tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan dan boleh dirujuk dalam PKPU.
- 5.2 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) boleh dicapai dalam portal Pejabat Bendahari.

Sekian, harap maklum.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Khairul Bin Taib', written in a cursive style.

KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

AA/BPPP/PSPP

Undang-Undang Malaysia

AKTA 576

JADUAL PERTAMA [Seksyen 2]

Aktiviti yang berikut adalah dikira sebagai sukan bagi maksud Akta ini:

1. Memanah
2. Olahraga
3. Sukan Air
4. Sukan Bermotor
5. Badminton
- 5A. Besbol
6. Bola Keranjang
7. Biliard dan Snuker
8. Bina Badan
9. Boling
10. Tinju
- 10A. Kanu
11. Kriket
12. Lumba Basikal
13. Sukan Ekuestrian
14. Lawan Pedang
- 14A. Kecergasan
15. Bola Sepak

16. Golf
17. Gimnastik
18. Bola Baling
19. Hoki
- 19A. Meluncur Ais
20. Judo
- 20A. Kabbadi
21. Karate Do
22. Boling Padang
- 22A. Seni Mempertahankan Diri
23. Bola Jaring
- 23A. Paralimpik
- 23B. Petanque
- 23C. Rekreasi
- 23D. Berdayung
24. Ragbi
25. Sepak Takraw
26. Menembak
- 26A. Silambam
27. Silat Olahraga
28. Tenis Ringan
29. Sofbol
30. Skuasy
31. Ping pong

32. Tae kwan do

33. Tenis

33A. Sukan Tradisional

34. Bola Tampar

35. Luncur Air

36. Angkat Berat

37. Gusti

38. Wushu

39. Kapal Layar

**SYARAT DAN KAEDAH
SKIM PEMBIAYAAN PERALATAN SUKAN DAN REKREASI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

1.0 SYARAT-SYARAT

- 1.1 Kelayakan pemohon adalah sama seperti kelayakan skim pembiayaan sedia ada yang digariskan dalam **Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU)**, Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab I, Pembiayaan iaitu:
- 1.1.1 Staf mestilah seorang staf UTeM bertaraf tetap dan kontrak.
 - 1.1.2 Kelayakan permohonan pembiayaan adalah minima RM200 dan maksima RM5,000.
 - 1.1.3 Pembiayaan boleh dimohon walaupun pembiayaan sedia ada masih belum diselesaikan dengan syarat berikut:
 - i. bukan permohonan kategori yang sama; dan
 - ii. jumlah pembiayaan tidak melebihi had pembiayaan maksimum kategori.
 - 1.1.4 Pembiayaan bagi peralatan sukan dan rekreasi boleh dimohon semula oleh staf setelah pembiayaan peralatan sukan dan rekreasi sedia ada telah selesai dibayar sepenuhnya.
- 1.2 Bagi staf bertaraf kontrak atau staf bergaji pokok RM1,620.00 dan ke bawah, permohonan pembiayaan hendaklah dijamin oleh dua (2) orang penjamin dalam kalangan staf dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana yang telah disahkan jawatan mereka.
- 1.3 Sekiranya harga belian melebihi had maksimum kelayakan pembiayaan maksimum yang dibenarkan, staf hendaklah menyelesaikan sendiri amaun

bayaran muka yang diperlukan. Bayaran muka dianggap telah dijelaskan oleh staf dalam perkiraan bayaran balik.

1.3.1 Staf tidak boleh menjual peralatan sukan dan rekreasi yang masih mempunyai baki pembiayaan tanpa kebenaran khas dari Pihak Berkuasa Melulus.

1.3.2 Urus niaga pembelian peralatan sukan pintar hendaklah dilakukan dalam Malaysia.

1.4 Jumlah potongan bulanan pembiayaan tidak boleh melebihi satu per tiga (1/3) daripada gaji pokok staf dan jumlah semua potongan termasuk potongan bulanan yang ditanggung oleh staf berkenaan tidak boleh melebihi enam puluh (60) peratus daripada gaji pokok serta elaun-elaun lain (elaun tetap sahaja).

1.5 Jumlah kelulusan pembiayaan akan dibundarkan kepada angka ratus ringgit yang rendah.

2.0 KAEDAH PERMOHONAN PEMBIAYAAN

2.1 Semua permohonan pembiayaan hendaklah dimohon dan diluluskan melalui portal pembiayaan dan dihantar bersama dokumen sokongan ke Unit Emolumen Dan Pembiayaan, Pejabat Bendahari.

2.2 Ketua PTj bertanggungjawab untuk menyemak dengan teliti dan memastikan permohonan pembiayaan Staf mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sebelum menyokong permohonan staf.

2.3 Syarat tambahan bagi pembiayaan peralatan sukan:

2.3.1 Pembelian hendaklah diuruskan sendiri oleh staf dengan penjual peralatan sukan dan memastikan penjual tersebut telah mendaftar dengan UTeM;

2.3.2 Staf dikehendaki mengemukakan satu salinan sebut harga peralatan sukan dengan menyenaraikan butiran yang ingin dibeli daripada pihak penjual ke Pejabat Bendahari; dan

- 2.3.3 Sebut harga daripada penjual yang berdaftar adalah berdasarkan undang-undang di Malaysia sama ada diperolehi secara terus atau atas talian (*online*) yang sah untuk diterima pakai.
- 2.4 Surat Kelulusan Pembiayaan, Surat Perjanjian dan Jadual Bayaran Balik akan diserahkan kepada peminjam/staf untuk dilengkapkan dan dimatikan setem. Staf perlu menyerahkan semula semua dokumen yang dilengkapkan ke Unit Emolumen Dan Pembiayaan, Pejabat Bendahari.
- 2.5 Setelah selesai semakan dokumen dan kelulusan oleh Pejabat Bendahari, cek akan diserahkan kepada peminjam/staf untuk diserahkan kepada syarikat/pembekal.
- 2.6 Permohonan pembiayaan yang diluluskan akan di direkodkan di dalam buku perkhidmatan staf oleh Pejabat Pendaftar.

3.0 KAEDAH PEMBAYARAN BALIK PEMBIAYAAN

- 3.1 Pembayaran balik pembiayaan termasuk kadar keuntungan hendaklah dibayar oleh staf secara ansuran melalui potongan gaji pada setiap bulan sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian.
- 3.2 Kadar pembayaran balik pembiayaan tersebut adalah berdasarkan Jadual Ansuran Bulanan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan.
- 3.3 Tempoh pembiayaan hendaklah tidak boleh melebihi baki tempoh perkhidmatan staf di UTeM.
- 3.4 Tempoh bayaran balik bagi peralatan sukan baru adalah 36 bulan (3 tahun).
- 3.5 Tempoh pembiayaan bagi staf yang bertaraf kontrak adalah berdasarkan tempoh tamat kontrak. Staf boleh memohon dipanjangkan tempoh pembiayaan dengan mengemukakan permohonan bersama-sama surat justifikasi yang munasabah dan disokong oleh Ketua PTj kepada Pihak Berkuasa Melulus.
- 3.6 Jumlah minimum tempoh pembayaran balik adalah tidak kurang dari 6 bulan.

- 3.7 Baki pembiayaan staf yang meletak jawatan atau meninggalkan perkhidmatan di UTeM, staf hendaklah menyelesaikan sepenuhnya sebelum tarikh meninggalkan perkhidmatan atau tamat tempoh kontrak perkhidmatannya di Pejabat Bendahari.
- 3.8 Lain-lain syarat, kaedah dan proses berkaitan seperti bayaran perkhidmatan/keuntungan atas pembiayaan, syarat pembiayaan bagi staf yang dipinjamkan kepada organisasi luar, tindakan selepas permohonan, tindakan atas kehilangan dalam tempoh pembiayaan dan lain-lain adalah sama seperti yang digariskan dalam **PKPU**, Bahagian Pengurusan Wang Universiti, Bab I, Pembiayaan.